

19 JAN 2004

MAHATHIR-WTO/I

MAHATHIR INGATKAN TENTANG BAHAYA TERGESA-GESA SERTA WTO

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 19 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad, mengingatkan negara-negara tentang bahaya menyertai Pertubuhan

Perdagangan Dunia (WTO) secara tergesa-gesa.

WTO dikuasai oleh negara-negara yang kuat dan tidak memikirkan kepentingan negara-negara membangun, kata Dr Mahathir kepada Saudi Arabia

dan negara-negara lain yang berhasrat menyertai badan perdagangan itu.

Bercakap pada satu persidangan ekonomi di Jeddah, Ahad, beliau berkata,

"Semua orang harus berhati-hati tentang menyertai WTO, kerana bukan semuanya positif, ada agenda-agenda tertentu dirangka oleh negara-negara

maju dan ternyata WTO memberi tumpuan kepada agenda-agenda ini," kata

Mahathir pada Forum Ekonomi Jeddah menurut sebuah laporan dalam akhbar

Saudi Gazette, Isnin.

"Pada masa ini, secara bersendirian. negara-negara miskin tidak berupaya memajukan agenda. Tetapi, sebelum menyertai WTO, mereka harus

duduk berbincang bersama dan memajukan agenda mereka sendiri serta bersuara

dengan satu nada," tegas Mahathir.

Menyentuh tentang cadangannya supaya dinar Islam bersandarkan emas

dijadikan matawang perdagangan dunia Islam, Mahathir berkata, negara-negara

Islam, khususnya yang mengeksport minyak, akan mendapat faedah kerana ia

akan melindungi mereka daripada keadaan turun naik nilai dolar Amerika.

Pengeksport minyak yang berniaga dalam nilai dolar kini menerima nilai

pertukaran yang "kurang" kerana matawang itu telah kehilangan 33 peratus

daripada nilainya berbanding euro.

Jika minyak dijual dengan matawang bersandarkan emas, pendapatan tidak

akan terjejas oleh faktor-faktor politik dan sosial yang boleh menyebabkan

matawang susut nilai.

"Dinar bersandarkan emas sebenarnya merupakan urusan niaga emas dan akan

menstabilkan perdagangan di peringkat antarabangsa," tegas Mahathir.

Ucapan bekas Perdana Menteri itu bertajuk "Resipi Pertumbuhan dari

Malaysia: Wawasan 2020".

Mahathir menceritakan kepada forum itu bagaimana Malaysia bangkit

daripada sebuah negara miskin tetapi kaya dengan sumber menjadi sebuah

negara pengeluar teknologi tinggi. -- BERNAMA

SH PK KTC KY AA